

06/09/1998

Tindakan Mahathir ada alasan kukuh

Rejal Arbee

BEBERAPA perkara yang amat mengejutkan berlaku minggu ini. Belum sempat pun penganalisis, pelabur, pakar ekonomi dan lebih-lebih lagi rakyat jelata dapat menyerap implikasi pengumuman kerajaan mengawal kadar tukaran mata wang ringgit, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehari kemudian mengejutkan lagi dengan pengumuman Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada semua jawatannya dalam kerajaan. Ini diikuti pula dengan pemecatannya daripada Umno dan dengan itu jawatannya sebagai Timbalan Presiden Umno juga terlucut.

Anwar mulanya diberi peluang untuk berundur dengan rela hati daripada jawatan-jawatannya tetapi kerana enggan beliau terpaksa dipecat. Tindakan ini tidaklah menyimpang dari segi perundangan dan peraturan.

Dalam kerajaan beliau dipilih oleh Perdana Menteri dan dengan itu Dr Mahathir mempunyai kuasa untuk melucutkan semua jawatan yang disandangnya. Tetapi lain pula halnya mengenai kedudukannya dalam parti. Beliau dipilih sebagai Timbalan Presiden oleh perwakilan dalam pemilihan Umno. Ini bermakna Dr Mahathir walaupun Presiden parti, tetapi tidak mempunyai kuasa melantik Timbalan Presiden.

Anwar sekali lagi diberi peluang untuk mengundurkan diri sebagai Timbalan Presiden Umno tetapi beliau juga enggan berbuat demikian walaupun sentimen Majlis Tertinggi dalam mesyuaratnya tengah malam Khamis itu menghendaknya berundur daripada jawatan itu. Dengan itu Majlis Tertinggi Umno tidak mempunyai pilihan lain selain memecatnya daripada parti. Ini dengan sendirinya membuatkan beliau kehilangan jawatannya itu.

Kedua-dua tindakan mengejut ini, menunjukkan Dr Mahathir tidak sunyi daripada kontroversi. Malah beliau pernah dikatakan sentiasa diselubungi kontroversi. Sering juga tindakannya dipersoalkan tetapi akhirnya terbukti beliau betul.

Berikutan pemecatan Anwar itu banyak sudah diperkatakan daripada kedua-dua belah pihak. Tetapi rakyat tetap keliru. Siapa yang hendak mereka percayai? Mustahil Anwar boleh melakukan pelbagai perkara yang dituduh terhadapnya. Ia tidak masuk akal. Selama ini Anwar amat lantang memperjuangkan kesucian dan kehendak agama. Platformnya ialah peningkatan syiar Islam dan mewujudkan umat beramal makruf. Perwatakannya juga amat cenderung kepada agama. Jadi bagaimana boleh tergamak berbuat perkara-perkara terkutuk itu. Inilah pandangan penyokong dan mereka yang bersimpati dengannya.

Kenyataan-kenyataan Anwar sendiri yang menuduh apa yang berlaku terhadapnya sebagai konspirasi politik peringkat tertinggi mengeruhkan lagi keadaan. Polis pula tetap dengan pendirian bahawa mereka ada cukup alasan membuat tuduhan itu. Kini Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Nor pula menuduh Anwar cuba mempengaruhi dan campur tangan terhadap penyiasatan polis berhubung persoalan ini.

Lebih setahun lalu waktu tuduhan salah laku terhadap Anwar mula dibuat, Dr Mahathir dengan tegas menganggapnya sebagai fitnah yang bertujuan menggugat kedudukan Anwar sebagai bakal penggantinya. Anwar sendiri waktu itu amat menghargai sokongan kuat Dr Mahathir terhadapnya berhubung surat yang membuat tuduhan salah lakunya itu. Tetapi kini nampaknya Dr Mahathir sudah berubah pandangan.

Penyiasatan polis terhadap beberapa tuduhan terhadap Anwar itu menunjukkan tuduhan-tuduhan itu ada alasan. Mereka dengan itu sudah tidak dapat bekerjasama lagi. Walaupun pemecatan Anwar itu sudah tentu akan

menyulitkan kedudukan negara lebih-lebih lagi dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang, Dr Mahathir terus juga dengan tindakannya. Semestinya beliau mempunyai alasan kukuh untuk berbuat demikian. Mustahil beliau bertindak sewenang-wenangnya terhadap seorang yang beliau sendiri didik dengan begitu berkesan untuk menggantinya memimpin negara apabila tiba masanya.

Diharapkan hal ini tidak menjadikan orang ramai khususnya penyokong Anwar dan mereka yang bersimpati dengannya menggelabah hingga boleh mengganggu gugat keselamatan negara. Akhirnya Tuhan yang akan menentukan semua. Kalau kita benar dan tidak bersalah tidak ada apa yang hendak dimusykilkan. Mereka yang benar sentiasa di sisi Allah.

(END)